

Headline

Date 23. Sep 2008
Media Title Berita Harian
Section Sukan
Circulation 217920
Readership 2083000

Language MALAY
Page No 54
Article Size 298 cm2
Frequency Daily
Color Full Color
AdValue



Nurul Fatiha sedia ikuti kursus jurulatih

Oleh Hasnira Hassan

"SAYA tiada masalah. Andai ada rezeki, saya bersedia." Itu jawapan ringkas bekas gimnas artistik negara, Nurul Fatiha Abdul Hamid berhubung tawaran kursus kejurulatihan dan kepengadilan oleh Persekutuan Gimnastik Malaysia (MGF).

Baginya, pembabitan dalam setiap peluang yang ditawarkan adalah lambang kecintaan terhadap dunia gimnastik, sekali gus membulatkan tekadnya untuk terus menyumbang bakti.

Namun, dia mengakui tawaran MGF yang masih dalam peringkat cadangan itu hanya diketahui melalui media dan belum ada sebarang hitam putih sampai kepadanya setakat ini.

Sebelum ini, Setiausaha Kehormat MGF, N Shanmugarajah mencalonkan Nurul Fatiha sebagai antara individu yang bakal menyertai

kursus kepengadilan bagi Asia Tenggara sempena pengurusan undang-undang baru 'Kod Mata Persekutuan Gimnastik Antarabangsa (FIG)' yang dirancang diadakan di ibu negara, tahun depan.

Ternyata, perkhabaran itu juga menjadi kejutan buat bekas atlet berusia 22 tahun itu yang kini memenuhi jadual seharian sebagai pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam jurusan Komunikasi (Penyiaran) yang dijadual mengakhiri pengajian akhir tahun depan.

Selepas mengumumkan persaraan sebaik menyumbang pingat gangsa menerusi acara senaman lantai di Sukan Sea di Korat, Thailand, Disember lalu, anak kelahiran Alor Star, Kedah itu kemudian terus bergiat aktif sekalipun sudah mengurangkan pembabitannya sebagai memenuhi syarat biasiswa Kementerian Pengajian Tinggi.



NURUL Fatiha mengakui tawaran MGF yang masih dalam peringkat cadangan itu hanya diketahui melalui media dan belum ada sebarang hitam putih sampai kepadanya setakat ini.